From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 334 PELAJAR BAHARU STML TERIMA PENDEDAHAN BERKAITAN HALA TUJU AKADEMIK DAN PELUANG MOBILITI ANTARABANGSA
Date: Sunday, 20 September, 2026 3:52:56 PM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

20 SEPTEMBER 2026 / 8 RABIULAKHIR 1448H
==========

Oleh: Muhammad Haziq Farhan Mohamad Rosni
Gambar oleh: AJK Media International Orientation Week

334 PELAJAR BAHARU STML TERIMA PENDEDAHAN BERKAITAN HALA TUJU AKADEMIK DAN PELUANG MOBILITI ANTARABANGSA



UUM ONLINE: Seramai 334 pelajar baharu Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML), Universiti Utara Malaysia (UUM) terlibat dalam program Kembara Bersama Pusat Pengajian bersempena minggu suai kenal (MSK) bagi sesi A261.

Pelajar tempatan dan antarabangsa daripada tiga program pengajian peringkat sarjana muda iaitu Sarjana Muda Pengurusan Teknologi, Sarjana Muda Pengurusan Operasi dan Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Logistik & Pengangkutan) telah hadir pada majlis ini.

Dekan STML, UUM, Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Kamarul Irwan Abdul Rahim berkata, program ini bertujuan memberikan pendedahan awal mengenai hala tuju akademik, persekitaran pembelajaran serta peluang pembangunan diri yang tersedia sepanjang tempoh pengajian di STML, UUM.

Dalam sesi amanat tersebut, beliau turut menekankan kepentingan integriti dan disiplin akademik sebagai asas kepada kejayaan pengajian, di samping menyeru pelajar untuk aktif terlibat dalam aktiviti kokurikulum dan kelab-kelab di bawah STML bagi membina jaringan serta memperkayakan pengalaman universiti mereka.



Amanat yang disampaikan turut menyentuh mengenai visi dan misi STML sebagai institusi yang komited memacu kecemerlangan dalam bidang pengurusan teknologi dan logistik, sekaligus menjadi panduan kepada pelajar baharu untuk melangkah dengan lebih yakin sepanjang tempoh pengajian mereka.

Sesi ini turut menyaksikan taklimat akademik yang disampaikan oleh Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa STML, Prof. Madya Dr. Norsiah Hami yang memberikan pengenalan ringkas mengenai latar belakang dan pencapaian penting (milestone) STML sejak ditubuhkan pada 1 Julai 2011 di bawah COB UUM termasuk visi STML untuk menjadi institusi terkemuka dalam mentransformasi modal insan serta misinya dalam pembangunan, komunikasi dan aplikasi ilmu.

Pelajar turut didedahkan dengan struktur kepimpinan STML, program pengajian yang ditawarkan di peringkat sarjana muda iaitu Sarjana Muda Pengurusan Teknologi, Sarjana Muda Pengurusan Operasi dan Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Logistik & Pengangkutan) serta program di peringkat pascasiswazah merangkumi sarjana secara penyelidikan dan kerja kursus dalam pelbagai bidang seperti Pengurusan Operasi, Pengurusan Teknologi, Pengurusan Rantaian Bekalan, Pengurusan Projek, serta Pengurusan Pengangkutan dan Logistik, di samping program Doktor Falsafah (PhD) dalam Pengurusan Operasi Teknologi dan Logistik.

Taklimat turut menyentuh peranan pusat kecemerlangan dan unit penyelidikan STML serta kerjasama strategik dan kolaborasi yang terjalin bersama universiti dan industri di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, bagi memberi gambaran menyeluruh kepada pelajar baharu mengenai ekosistem akademik di STML.

Selain itu, pelajar baharu juga turut diberikan taklimat dan penjelasan mengenai peluang mobiliti pelajar (student mobility), yang disampaikan oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar STML, Dr. Wadi Khalid Anuar.

Dalam taklimat bertajuk *"Opportunities for Mobility"* ini, beliau memperincikan dua kategori utama program mobiliti keluar (outbound), iaitu program tanpa kredit (Without Credit) dan program berkredit (With Credit), yang masing-masing menawarkan pengalaman antarabangsa berbeza kepada pelajar.

Bagi program berkredit, pelajar berpeluang menyertai *One-Semester Exchange Programme* yang membawa mereka mengikuti pengajian selama satu semester di universiti-universiti luar negara yang mempunyai kerjasama dengan UUM, merangkumi destinasi seperti Indonesia, Jepun, Perancis dan Sepanyol, di samping negara-negara lain termasuk Brunei, Filipina, Thailand, China, Korea, Türkiye, Finland, Romania, Poland dan Uzbekistan. Program ini turut disertakan bantuan kewangan sekali sahaja bernilai RM3,000 bagi destinasi negara ASEAN dan RM5,000 bagi destinasi negara-negara lain, selain ganjaran tambahan sebanyak 500 mata merit kepada pelajar yang menyertainya.

Dr. Wadi Khalid turut menggalakkan pelajar untuk merancang penyertaan dalam program mobiliti sejak awal pengajian, memandangkan pengalaman antarabangsa ini bukan sahaja memperluas jaringan dan pendedahan global pelajar, malah turut menyumbang kepada pembangunan sahsiah serta kebolehpasaran mereka selepas bergraduat kelak.

Program Kembara Bersama Pusat Pengajian sempena MSK ini merupakan salah satu inisiatif STML dalam memastikan pelajar baharu bukan sahaja bersedia dari aspek akademik, malah turut terdedah kepada peluang-peluang pembangunan diri yang lebih luas sejak hari pertama mereka melangkah ke kampus UUM.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.